

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI
MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2019

SOALAN NO. 17

Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan dan jumlah penyertaan tenaga kerja wanita di semua bidang dan sektor pekerjaan di negara ini dan nyatakan setakat manakah penyertaan wanita di peringkat pengurusan tertinggi dan pembuat dasar dan keputusan di sektor awam dan swasta masa kini serta langkah Kementerian bagi memberikan peluang pekerjaan yang sesuai dan seimbang untuk wanita-wanita di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan terdapatnya peningkatan penyertaan tenaga buruh wanita di negara ini iaitu daripada 54.7% pada tahun 2017 kepada 55.2% pada tahun 2018. Bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh, Kerajaan juga telah menetapkan sasaran kepada 56.5% pada tahun 2020.

Seterusnya, bagi penglibatan wanita di peringkat pengurusan tertinggi dan sebagai pembuat keputusan di sektor awam, rekod Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memperlihatkan 36.10% wanita menyandang jawatan sektor utama awam (JUSA) pada tahun 2018 berbanding tiga tahun sebelumnya iaitu 35.10% pada tahun 2015. Di sektor swasta, penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan melalui jumlah pengisian kerusi Ahli Lembaga Pengarah di 100 buah syarikat-syarikat teratas tersenarai awam adalah 24.4% peratus pada tahun 2018 berbanding 14.0% pada tahun 2015.

Bagi membolehkan golongan wanita terus menyumbang kepada pembangunan negara, beberapa inisiatif telah diperkenalkan oleh Kerajaan untuk membantu mereka mengimbangi peranan dalam keluarga dan kerjaya. Ini termasuklah mewujudkan persekitaran kerja yang lebih kondusif melalui pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) oleh JPA dan juga dengan mewajibkan agensi Kerajaan mewujudkan TASKA di tempat kerja dan bagi maksud ini, Kerajaan telah meningkatkan peruntukan kepada RM30 juta untuk menyediakan lebih banyak TASKA terutamanya di hospital dan sekolah. Di sektor swasta pula, Kerajaan melalui Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) telah memperkenalkan Program *Career Comeback* semenjak tahun 2015 bagi menggalakkan wanita yang telah berhenti kerja sebelum ini untuk kembali berkerjaya.

Bagi meningkatkan penyertaan wanita sebagai pembuat keputusan di sektor awam pula, Kementerian ini turut melaksanakan beberapa program pembangunan kapasiti dalam aspek kepimpinan khususnya

SOALAN NO. 17

dalam kalangan pegawai Pengurusan dan Profesional di peringkat pertengahan bagi mempersiapkan mereka untuk menyanggah jawatan yang lebih tinggi. Di sektor swasta pula, peranan ini disokong oleh Suruhanjaya Sekuriti melalui Kod Tadbir Urus Korporat dan juga oleh Kelab 30% Malaysia dengan melaksanakan program seperti *mentoring* bagi mempersiapkan wanita yang berpotensi sebagai Ahli Lembaga Pengarah.

Kerajaan juga ingin menyeru kepada semua pihak agar sama-sama memainkan peranan untuk meningkatkan lagi penyertaan wanita dalam semua bidang dan meningkatkan usaha dalam mengarusperdanakan gender dalam polisi dan juga pelaksanaan program dan aktiviti. Walaupun laporan *Global Gender Gap Indeks 2018* menunjukkan peningkatan kedudukan Malaysia di tangga 101 daripada 149 buah negara berbanding tangga 104 pada tahun 2017, didapati masih terdapat beberapa bidang dalam pelaporan tersebut yang perlu diberikan tumpuan kerana masih belum memenuhi skor penuh gender pariti iaitu 1.0 dan ini termasuklah kurangnya penglibatan wanita dalam *political empowerment* yang masih berada di skor 0.071 dan *economic participation dan opportunity* di skor 0.656.